

UMS hasilkan graduan sains dan teknologi

'BH 06.09.2012 V4

Kota Kinabalu: Malaysia memerlukan lebih ramai generasi belia yang pakar dalam bidang sains dan teknologi ke arah merealisasikan misi nasional untuk menjadi negara maju menjelang 2020.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Mohd Harun Abdullah, berkata negara maju perlu disokong dengan sumber manusia mahir dalam pelbagai cabang sains dan teknologi.

"Saya percaya misi nasional mampu dicapai melalui pertambahan graduan jurusan sains dan teknologi setiap tahun.

"Kepakaran yang dimaksudkan di sini bukan hanya

setakat mencedok ilmu atau mengubahsuai sesuatu rekaan, sebaliknya keupayaan untuk mencipta, menambah-baik dan memperbaharui," katanya pada Majlis Penyampaian Sijil Asasi Sains ke-2, Pusat Persewaan Sains dan Teknologi UMS baru-baru ini.

Hadir sama Pengarah pusat itu, Dr Sazmal Effendi Arshad.

Dalam majlis itu, empat lulusan cemerlang meraih anugerah masing-masing yang disampaikan Mohd Harun.

Anugerah Naib Canselor Penerima Anugerah Naib Canselor diraih Nursakinah Najwah Suhaimi dengan



Dr Harun (tengah) menyampaikan Anugerah Naib Canselor kepada Aaron Roy yang turut disaksikan Dr Sazmal (kiri).

pencapaian purata nilai gred keseluruhan (PNGK) 4.00 manakala Anugerah Pengarah oleh Aaron Roy Thurairajah (PNGK 4.00).

Anugerah pelajar hara-

pan pula disandang Dayang Norashikin Rosley (PNGK 3.49) dan Anugerah Pelajar Berdedikasi dan Berke-pimpinan, Nur Syazwani Siswaya (PNGK 3.03).